

18/10/2003

Dr Mahathir tidak terkejut reaksi Barat

Kadir Dikoh

BEBERAPA jam saja selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selesai menyampaikan ucapan sulungnya selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Putrajaya Khamis lalu, masyarakat dunia terutama kaum Yahudi di Amerika Syarikat dan Eropah terus memberi reaksi dan menyifatkan ucapan Perdana Menteri itu sebagai anti-Yahudi.

Kuasa usaha Kedutaan Malaysia di Berlin dipanggil oleh Bonn bagi menyatakan bantahan dan Menteri Luar Itali selaku jurucakap Kesatuan Eropah (EU) turut menyelar Dr Mahathir.

Perdana Menteri Australia, John Howard iaitu negara yang digelar Presiden George W Bush sebagai "Sherif" di rantau ini dengan kenyataan terbaru itu bakal mengundang kontroversi di kalangan negara Asean, turut mengutuk ucapan Dr Mahathir melalui siaran Radio 3AW Melbourne, semalam.

Sebuah akhbar Australia pula menyamakan Dr Mahathir dengan pemimpin Al Qaeda, Osama bin Laden, manakala Duta Israel ke Singapura, Itzhak Shoham, menyamakan kenyataan Dr Mahathir itu seperti dibuat oleh Adolf Hitler.

Jurucakap Jabatan Negara Amerika Syarikat, Adam Ereli, turut mengutuk dengan menyatakan "Ini bukan kali pertama kita melihat komen seperti itu daripada orang yang sama".

Tetapi di sebalik kutukan itu semua, pemimpin Islam yang menghadiri Sidang Kemuncak OIC ke-10 mempertahankan Dr Mahathir.

"Seluruh dunia mengutuk Perdana Menteri Malaysia," lapor Cable News Network (CNN) tetapi saingannya, British Broadcasting Corporation (BBC) menyebut bahawa walaupun ucapan Dr Mahathir itu menerima kutukan di seluruh dunia, ia menerima tepukan gemuruh daripada pemimpin Islam dunia di Sidang Kemuncak OIC itu.

Reaksi kepada ucapan itu bermula apabila wakil agensi berita asing Barat melaporkannya dari Putrajaya tengah hari Khamis lalu. Pada sebelah malamnya, mulai jam 8 lagi, CNN sudah mula melaporkan reaksi, setiap jam sepanjang malam dan pagi semalam.

Ucapan Dr Mahathir bahawa kini puak Yahudi memerintah dunia secara proksi dan mereka membiarkan orang lain berjuang dan mati untuk mereka, dianggap oleh pemimpin Yahudi sebagai "jemputan kepada keganasan". Mereka membuat andaian akan lebih banyakkah serangan berani mati oleh rakyat Palestin ke atas Israel.

Apabila mengetahui mengenai reaksi dunia itu pada sebelah lewat petang hari yang sama beliau menyampaikan ucapan itu, Dr Mahathir dikatakan tidak terkejut tetapi kelihatan relaks saja kerana menganggap apa yang diperkatakannya itu tidak salah.

Pusat Media Antarabangsa (IMC) di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) kecoh seketika pagi semalam apabila agensi berita asing AP melaporkan bahawa Malaysia sudah meminta maaf berhubung kenyataan Dr Mahathir itu dengan memetik Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai berkata: "Saya minta maaf mereka telah salah faham secara menyeluruh. Tidak ada niat mencetuskan kontroversi. Niat beliau ialah untuk menunjukkan jika anda merenung dan duduk berfikir, anda boleh menjadi kuat."

Beberapa jam kemudian, Syed Hamid, terpaksa membuat penjelasan lanjut bahawa Malaysia tidak meminta maaf sambil menyatakan kenyataannya disalah tafsir oleh AP.

Dalam ucapan itu, Perdana Menteri juga memberitahu 57 negara Islam bahawa umat Islam tidak ada pencapaian dalam perjuangan 50 tahun menentang Israel dan beliau mencadangkan taktik politik dan ekonomi digunakan dalam

perjuangan itu bagi menggantikan peperangan.

Mengenai laporan Herald Sun Australia yang menyamakan Dr Mahathir dengan Osama bin Laden, Syed Hamid berkata: "Apa saja yang kita lakukan, mereka akan membuat tafsiran yang berlainan kerana mereka mempunyai agenda tersendiri. Dan saya fikir adalah amat biadab dan kurang ajar bagi sebuah akhbar di Australia untuk menyamakan PM dengan Osama bin Laden.

"Dr Mahathir adalah seorang yang memperjuangkan keamanan dan menentang keganasan dengan keyakinan keamanan boleh dicapai melalui rundingan. Dr Mahathir tidak pernah menganjur atau menyokong serangan pengebom berani mati atau sebarang tindakan keganasan," katanya.

Ketua Biro Politik Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Farouk Kaddoumi, yang turut mengikuti dengan penuh minat ucapan Perdana Menteri berkata, ucapan Dr Mahathir itu amat hebat kerana menggariskan strategi bagi umat Islam untuk melindungi kepentingan mereka.

"Islam adalah agama yang mementingkan keamanan, tanpa diskriminasi sesama manusia. Lainnya... mereka menduduki negara kami dan membunuh rakyat kami dan mendakwa kami anti-Yahudi atau pengganas. Keganasan diamalkan di Israel," katanya.

Beliau berkata Israel dan golongan yang bersimpati dengan mereka cenderung untuk menganggap sebarang kenyataan yang tidak memihak kepada mereka sebagai anti-Yahudi tetapi pada masa yang sama mereka menduduki tanah penduduk Palestin.

"Ia adalah pencabulan hak asasi manusia tetapi mereka teruskan pendudukan, 85,000 tentera menduduki negara kami dan wilayah Arab lain di Bukit Golan, dan mereka mendakwa mereka berusaha melahirkan keamanan," katanya.

Antara reaksi pertama ekoran ucapan Dr Mahathir itu adalah daripada Pengaroh Pusat Simon Wiesenthal Israel, Efraim Zuroff, yang memberitahu agensi berita AFP di Baitulmaqdis bahawa sudah tiba masanya negara di dunia yang demokratik, liberal dan bebas menggerakkan usaha bagi menghalang Dr Mahathir daripada terus mengeluarkan kenyataan yang membenci kaum Yahudi.

"Saya meminta maaf untuk memberitahu kepada perwakilan Islam yang berhimpun di Putrajaya yang mewakili 20 peratus penduduk dunia bahawa anti-Yahudi sudah diterima (pada sidang itu). Ini adalah salah satu pangkalan keganasan Islam," katanya.

Apa yang dimaksudkan oleh Zuroff itu adalah perhimpunan pemimpin 57 negara Islam yang bersidang itu adalah tempat "pemiakan" kegiatan keganasan. Sekarang Putrajaya mungkin sudah dimasukkan dalam senarai terbaru masyarakat barat sebagai "pusat pangkalan pengganas"?

Dalam ucapan selama 37 minit pada Sidang Kemuncak OIC itu, Dr Mahathir seperti biasa meluahkan apa yang difikirkannya betul dan fakta sebenar yang mungkin pahit untuk ditelan orang lain, terutama kaum minoriti Yahudi.

Dr Mahathir, dalam ucapan itu antara lain berkata bahawa umat Islam dengan jumlah 1.3 bilion masih kuat dan tidak boleh dihapuskan dengan begitu mudah. "Orang Eropah sudah membunuh enam juta daripada 12 juta orang Yahudi. Tetapi hari ini puak Yahudi memerintah dunia secara proksi. Mereka membiarkan orang lain berjuang dan mati untuk mereka. Kita mungkin tidak dapat melakukan sedemikian. Kita mungkin tidak dapat menyatukan 1.3 bilion umat Islam. Kita mungkin tidak berjaya menggabungkan semua kerajaan Islam untuk bertindak seiring. Tetapi, jika kita dapat menggembelng sepertiga daripada umat Islam dan sepertiga daripada negara Islam untuk bertindak bersama-sama, kita memang boleh berbuat sesuatu," katanya.

Kenyataan itu mencetuskan kemarahan masyarakat Yahudi, termasuk pihak Kesatuan Eropah manakala Australia yang menjadi `naib penghulu' kepada Amerika, turut tumpang semangkuk sehingga medianya menggelarkan Dr

Mahathir sebagai "Osama bin Laden" baru.

Sesetengah agensi berita asing begitu "excited" dengan ucapan Dr Mahathir itu apabila memilih untuk menonjolkan isu Yahudi. Jika diteliti kandungan ucapan itu, Dr Mahathir sebagai seorang pemikir Islam yang moden menegur semua pihak. Sememangnya, menjelang saat-saat terakhir sebagai pemimpin sebuah negara Islam yang dinamik, beliau tanpa rasa bimbang terus menegur semua pihak, sama ada pemimpin, cerdik pandai atau ulama mengenai kesilapan dan kegagalan yang dilakukan selama ini sehingga 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia terus ketinggalan dan tidak mendapat pembelaan sewajarnya.

Tanpa menyalahkan orang lain kecuali umat Islam sendiri, Perdana Menteri berkata, sikap kita yang membiarkan diri kita dipecah-pecah dengan masing-masing lebih mengutamakan Islam siapa lebih tulen daripada soal ummah yang satu, menyebabkan musuh dengan mudah menghina dan menindas kita.

Dari situlah beliau menceritakan bagaimana orang Yahudi amat berpengaruh sehingga berkuasa melalui proksi mereka. Ini bukan kali pertama, dan tidak mungkin menjadi kenyataan terakhir beliau, berkaitan sikap orang Yahudi.

Ketika Dr Mahathir dihentam hebat oleh Barat dalam tempoh 48 jam lalu, berikutan ucapannya itu, nama George Soros, seorang Yahudi pula dikatakan muncul melalui proksi di Bangkok ketika pemimpin dunia mahu berkumpul di sana untuk Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Pedagang mata wang antarabangsa yang dipersalahkan banyak pihak sebagai penyangak yang mencetuskan krisis mata wang pada 1997, muncul semula. Kali ini Soros dikaitkan pula dengan kegiatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk mengganggu kelancaran Apec pada 20 dan 21 Oktober ini. Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, mendakwa jutawan Amerika Syarikat itu akan membiaya beberapa NGO untuk mengganggu perjalanan mesyuarat Apec.

Pada Dr Mahathir dan Thaksin, Soros adalah musuh mereka dan negara Asia lain yang menghadapi kesengsaraan ketika krisis ekonomi 1997. Apabila Dr Mahathir mengaitkan Soros dengan Yahudi sebelum ini, masyarakat Barat juga marah.

"Saya rela tidak popular asalkan tindakan saya bukan untuk kepentingan diri, tetapi negara." Itulah kata-kata yang kerap diluahkan oleh Dr Mahathir apabila dikecam kerana tindakannya sama ada membabitkan isu dalam negara atau antarabangsa.

Tetapi ramai pemimpin dan wakil ke Sidang kemuncak OIC berkata ucapan Dr Mahathir itu sebenarnya tidak bersifat anti-Yahudi. Menteri Luar Yaman, Abu Bakar Qurbi, berkata beliau tidak fikir yang ucapan itu anti-Yahudi.

"Dr Mahathir hanya menyatakan hakikat yang sedang dihadapi dunia Islam dan beliau langsung tidak berhasrat mencetuskan konfrontasi. Saya menyokong ucapan beliau 100 peratus... beliau mahu dunia Islam menjalankan tanggungjawab terhadap rakyat mereka," katanya.

Presiden Afghanistan Hamid Karzai, pula berkata analisis Dr Mahathir mengenai sejarah Islam amat tepat dan betul. "Apa yang umat Islam perlu lakukan ialah menghentikan serangan bom berani mati," katanya.

Menteri Luar Mesir, Ahmed Maher, menasihatkan mereka yang mengkritik ucapan Dr Mahathir membaca dan memahami keadaan sebenarnya. Katanya, ada pihak tertentu yang akan menyelar kritikan yang dibuat terhadap Israel dan kerajaannya tanpa memahami isu berkenaan. Beliau berkata ada golongan yang bersedia untuk mempergunakan apa saja dengan niat untuk menimbulkan kekacauan.

"Saya tahu ada golongan yang bersedia untuk mengutuk apa saja. Sebaik saja ada kritikan terhadap Israel, walaupun tidak memahami atau mengerti mengenai keseluruhan isu itu. Mereka sentiasa bersedia untuk mengutuk apa saja. Ada orang yang sentiasa menunggu untuk menimbulkan kekacauan dan masalah yang sebenarnya tidak wujud," katanya.

Sememangnya, umat Islam kini menaruh harapan kepada pemimpin mereka

supaya bukan meluahkan kekecewaan dan kemarahan menerusi kata-kata, tetapi bertindak sewajarnya. Mereka mengharapkan supaya pemimpin mereka berbuat sesuatu bagi mengelak agama Islam dan umatnya terus mengalami kemusnahan. Banyak perkara yang boleh dilaksanakan dan apa yang perlu sekarang ialah kesungguhan untuk bertindak.